

<b>Headline</b>	Perak lebidi sasaran, berjaya tanam 7.88 juta pokok		
<b>MediaTitle</b>	Kosmo Ahad		
<b>Date</b>	12 May 2024	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Semasa	<b>Circulation</b>	166,774
<b>Page No</b>	6	<b>Readership</b>	500,322
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	216 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 5,606
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 16,818



# Perak lebidi sasaran, berjaya tanam 7.88 juta pokok

**KAMPAR** – Kerajaan Negeri Perak setakat ini telah berjaya menanam sebanyak 7.88 juta batang pokok, melebihi sasaran 6 juta pokok iaitu pada nisbah 2 juta pokok setahun sejak 2021.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, tempoh pelaksanaan bagi program penghijauan selama lima tahun bermula pada 2021.

"Kempen ini dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Sasaran dua juta pokok setahun. Kita bermula pada 2021 dan sudah capai 7.88 juta pokok iaitu melebihi yang sepatutnya.

"Saya yakin hasrat untuk mencapai 100 juta pokok akan tercapai," katanya selepas Majlis Pelancaran Program Pemuliharaan Biodiversiti (Afforestation) AEON Credit, di Taman Alam Kinta, di sini semalam.

Pada program itu, AEON Credit, Perbadanan Taman Negeri Perak dan FRIM Incorporated Sdn. Bhd. menyasarkan untuk menanam semula 10,000 pokok hutan dan buah spesies



**SAARANI** (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta pada Majlis Pelancaran Program Pemuliharaan Biodiversiti AEON Credit di Kampar semalam.

tempatan di taman seluas lebih 20 hektar itu menjelang September depan.

Program konservasi alam itu penting bagi memulihara biodiversiti kerana pokok yang ditanam berfungsi menyerap karbon dioksida di atmosfera untuk 20 tahun akan datang.

Selain itu, Saarani berkata,

kerajaan negeri akan terus memperkasa dan menjaga kelestarian tiga taman negeri berpotensi tinggi untuk pelancangan bercirikan semula jadi dan kaya dengan flora dan fauna iaitu Taman Negeri Royal Belum (Gerik), Taman Negeri Pulau Sembilan (Lumut) dan Taman Alam Kinta di Kampar.